



06 MAY, 2025

## Tangguh penyasaran subsidi RON95, elektrik

Harian Metro, Malaysia

# Tangguh penyasaran subsidi RON95, elektrik

**Kuala Lumpur:** Ahli Parlimen menggesa kerajaan menangguhkan pelaksanaan cadangan penyasaran subsidi RON95 dan kadar tarif elektrik tahun ini.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainuddin berkata, langkah itu perlu bagi menunjukkan kerajaan prihatin serta mengambil serius kesan di sebalik pelaksanaan tarif timbal balas oleh Amerika Syarikat (AS).

“Kita tangguh perubahan dasar terutama dasar fiskal negara yang boleh beri tekanan kos dan lemahkan sentimen perniagaan dan akhirnya membebankan pengguna. Saya nak bagi contoh, (cadangan) kenaikan RON95 Jun ini supaya kerajaan ambil kira. Kalau boleh kita tangguh, kita tangguhkan.

“Begitu juga dengan (cadangan) kenaikan tarif elektrik pada Julai 2025 dan kita tangguh langkah peluasan skop SST (cukai barangan dan perkhidmatan) tentunya kita ambil kira juga. Beli 30 pesawat Boeing dalam keadaan ekonomi tak menentu ini, kita tangguhkan dulu,” katanya pada sesi perbincangan pada mesyuarat khas berkenaan isu tarif AS di Dewan Rakyat, semalam.

Lim Guan Eng (PH-Bagan) pula berkata, selain menangguhkan pengapungan RON95 kepada harga pasaran, kerajaan perlu bekukan

segala syor yang boleh menambah beban industri seperti cukai atau kenaikan tarif elektrik 14.2 peratus serta pelaksanaan e-Invoice pada Julai ini.

“Pengumuman menangguhkan peluasan skop SST pada 1 Mei lalu amat dialu-alukan. Kerajaan juga harus menimbang menarik balik cadangan sumbangan KWSP dua peratus majikan kepada pekerja asing.

“Menurunkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) Bank Negara sebanyak satu peratus daripada tiga peratus sekarang kepada dua peratus. Memandangkan kadar inflasi kian terkawal, sasaran utama harus difokuskan kepada menggerakkan pertumbuhan ekonomi yang boleh dijalankan dengan menurunkan OPR. Kita harap tindakan agresif oleh Bank Negara,” katanya.

Beliau yang juga bekas Menteri Kewangan berkata, pakej rangsangan ekonomi kepada industri terjejas serta pekerja kehilangan pekerjaan perlu dilaksanakan.

“Selain geran kerajaan diumumkan Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim), sektor perbankan harus diwajibkan memberi pinjaman mudah atau kelonggaran pinjaman sedia ada.

“Jangan hanya tahu untung, tapi tidak tahu tanggung beban bersama,” katanya.